



31 Januari 2012
31 January 2012
P.U. (A) 36

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN PEMULIHARAAN HIDUPAN LIAR (PENGENDALIAN ZOO) 2012

WILDLIFE CONSERVATION (OPERATION OF ZOO) REGULATIONS 2012



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PEMULIHARAAN HIDUPAN LIAR 2010
PERATURAN-PERATURAN PEMULIHARAAN HIDUPAN LIAR
(PENGENDALIAN ZOO) 2012

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran
3. Kehendak bagi permit
4. Fi
5. Kesahan permit
6. Kurungan
7. Kawasan kuarantin
8. Pemakanan
9. Penjagaan kesihatan hidupan liar
10. Pembersihan kurungan
11. Pelalian hidupan liar
12. Eutanasia
13. Pertunjukan hidupan liar
14. Wang cagaran
15. Penalti

JADUAL

AKTA PEMULIHARAAN HIDUPAN LIAR 2010

PERATURAN-PERATURAN PEMULIHARAAN HIDUPAN LIAR
(PENGENDALIAN ZOO) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 132(2)(e) dan (f), Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pemuliharaan Hidupan Liar (Pengendalian Zoo) 2012.**

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Februari 2012.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain:

“Akta” ertinya Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716];

“doktor veterinar” ertinya seseorang yang didaftarkan di bawah Akta Doktor Veterinar 1974 [Akta 147];

“kurungan” termasuklah kawasan pameran hidupan liar dan kurungan malam;

“pengendali zoo” ertinya mana-mana individu, badan berkanun, syarikat, persatuan atau pihak berkuasa tempatan yang memiliki atau mengusahakan zoo;

“zoo” ertinya mana-mana kawasan atau premis yang menyimpan atau menempatkan hidupan liar sama ada untuk tujuan pemuliharaan, pendidikan, penyelidikan atau rekreasi, dan dibuka kepada umum.

Kehendak bagi permit

3. Tiada seorang pun boleh mengendalikan zoo melainkan jika dia memegang suatu permit yang dikeluarkan di bawah peruntukan dalam Bab 2 Akta.

Fi

4. Fi yang kena dibayar bagi suatu permit yang dikeluarkan adalah satu ribu ringgit setahun dan hendaklah dibayar kepada pegawai pelesen melalui apa-apa cara sebagaimana yang ditentukan oleh pegawai pelesen.

Kesahan permit

5. Permit yang diluluskan di bawah Peraturan-Peraturan ini hendaklah sah selama apa-apa tempoh yang dinyatakan dalam permit itu.

Kurungan

6. (1) Kecuali bagi kelas insekta dan araknida, mana-mana pengendali zoo hendaklah menyediakan suatu kurungan yang bersesuaian bagi setiap spesies hidupan liar mengikut saiz sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

(2) Kurungan yang disebut dalam subperaturan (1) hendaklah mempunyai reka bentuk yang sesuai dengan kelakuan semula jadi dan keperluan asas hidupan liar itu.

(3) Reka bentuk kurungan yang disediakan oleh pengendali zoo itu hendaklah dikemukakan kepada Ketua Pengarah untuk kelulusan.

Kawasan kuarantin

7. (1) Pengendali zoo hendaklah menyediakan suatu kawasan kuarantin bagi penempatan atau pengasingan sementara mana-mana hidupan liar yang baru diperolehi untuk tujuan pencegahan atau rawatan apa-apa penyakit yang mungkin dihidapi oleh hidupan liar itu.

(2) Bagi maksud subperaturan (1), apa-apa pelan kawasan kuarantin, saiz dan reka bentuk kurungan bagi hidupan liar itu hendaklah dikemukakan kepada Ketua Pengarah untuk kelulusan.

(3) Pengendali zoo hendaklah memastikan bahawa kawasan kuarantin itu tidak dibuka kepada mana-mana orang awam.

(4) Pengendali zoo hendaklah memastikan bahawa hidupan liar itu dikuarantin bagi suatu tempoh tertentu sebagaimana yang ditentukan oleh doktor veterinar.

Pemakanan

8. (1) Pengendali zoo hendaklah memastikan apa-apa makanan dan minuman yang disediakan bagi hidupan liar—

(a) mengandungi kandungan nutrien yang diperlukan, tidak tercemar dan diberi dalam kuantiti yang mencukupi sebagaimana yang ditentukan oleh doktor veterinar;

(b) bersesuaian dengan pemakanan semula jadi spesies, keadaan fisiologi dan jantina hidupan liar itu.

(2) Pengendali zoo hendaklah menyenggara dan menyimpan rekod-rekod pemakanan bagi setiap hidupan liar itu.

Penjagaan kesihatan hidupan liar

9. (1) Pengendali zoo adalah bertanggungjawab untuk memastikan penjagaan kesihatan hidupan liar di zoo di bawah pengendaliannya.

(2) Bagi maksud subperaturan (1), pengendali zoo hendaklah—

- (a) mengambil sekurang-kurangnya seorang doktor veterinar sepenuh masa untuk ditempatkan di zoo itu atau melantik seorang perunding doktor veterinar tetap jika tidak boleh berbuat demikian, tertakluk kepada subperaturan (4);
- (b) menyediakan klinik dan hospital veterinar di zoo itu;
- (c) memastikan bahawa bedah siasat dijalankan ke atas setiap hidupan liar yang mati dan direkodkan oleh doktor veterinar;
- (d) menanda dan merekodkan setiap kelahiran hidupan liar di zoo itu;
- (e) menyenggara dan menyimpan rekod mengenai semua perkara yang berhubungan dengan pengurusan setiap hidupan liar di zoo itu; dan
- (f) melaporkan kepada pihak berkuasa veterinar jika mana-mana hidupan liar dijangkiti atau disyaki dijangkiti oleh penyakit atau mati atau disyaki mati akibat penyakit, mengikut kehendak Akta Binatang 1953 [Akta 647].

(3) Perenggan 9(2)(a) hingga (d) tidak terpakai bagi kelas insekta dan araknida.

(4) Pengendali zoo hendaklah mendapatkan kebenaran bertulis Ketua Pengarah sebelum melantik mana-mana perunding doktor veterinar tetap yang disebut dalam perenggan (2)(a) dan apa-apa perubahan mengenai pelantikan itu.

Pembersihan kurungan

10. Pengendali zoo hendaklah menyenggara aktiviti pembersihan kurungan hidupan liar di zoo dan menyimpan semua rekod yang berhubungan dengan pembersihan setiap kurungan hidupan liar di zoo itu.

Pelalian hidupan liar

11. Pengendali zoo hendaklah memastikan bahawa apa-apa pelalian terhadap mana-mana hidupan liar dilakukan oleh doktor veterinar atau mana-mana orang lain di bawah seliaan doktor veterinar itu.

Eutanasia

12. (1) Eutanasia ke atas mana-mana hidupan liar di zoo hanya boleh dilakukan oleh doktor veterinar atau mana-mana orang lain di bawah seliaan doktor veterinar itu.

(2) Eutanasia ke atas mana-mana hidupan liar boleh dilakukan jika doktor veterinar itu mendapati selepas pemeriksaan, hidupan liar itu mengalami kecederaan atau menghadapi penyakit yang tidak boleh disembuhkan atau atas apa-apa alasan lain yang doktor veterinar itu fikirkan perlu untuk menamatkan hayat hidupan liar itu.

Pertunjukan hidupan liar

13. (1) Mana-mana pengendali zoo yang hendak mengadakan suatu aktiviti pertunjukan hidupan liar di zoo di bawah pengendaliannya hendaklah mengemukakan suatu permohonan bertulis kepada Ketua Pengarah.

(2) Ketua Pengarah boleh meluluskan permohonan di bawah subperenggan (1) dengan syarat pertunjukan hidupan liar itu—

- (a) dipersembahkan berasaskan kelakuan semula jadi hidupan liar itu;
- (b) tidak melibatkan apa-apa paksaan, penderaan atau apa-apa unsur paksaan terhadap hidupan liar itu; dan
- (c) tidak mengakibatkan penderitaan, kesakitan dan ketakutan kepada hidupan liar itu.

(3) Hidupan liar yang digunakan bagi aktiviti pertunjukan hidupan liar tidak boleh ditempatkan di dalam kurungan pemindahan lebih daripada satu jam dalam sehari.

Wang cagaran

14. (1) Walau apa pun seksyen 112 Akta, tiap-tiap pengendali zoo hendaklah mendeposit sejumlah wang sebagai cagaran sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah bagi maksud membiayai apa-apa kos yang ditanggung oleh Kerajaan dalam menyita, menyimpan dan menyenggara apa-apa hidupan liar yang disita daripada pengendali zoo mengikut peruntukan Akta.

(2) Jika wang cagaran itu telah digunakan sebahagiannya atau keseluruhannya, pengendali zoo hendaklah mendepositkan semula wang secukupnya kepada Ketua Pengarah dalam tempoh yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(3) Wang cagaran hendaklah dikembalikan kepada pengendali zoo jika operasi zoo tidak lagi diteruskan.

Penalti

15. Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan dalam Peraturan-Peraturan ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

JADUAL
(Peraturan 4)
Saiz Kurungan

A. Mamalia

Kategori spesies	Saiz kurungan malam untuk setiap ekor			Saiz minimum bagi kawasan pameran (setiap pasangan) (m ²)	Saiz minimum kawasan bukan pameran (setiap pasangan) (m ²)	Penambahan saiz kurungan malam/ kawasan setiap individu tambahan (%)
	Panjang (m)	Lebar (m)	Tinggi (m)			
Karnivora besar	4.0	3.0	3.0	500	50	10
Mamalia kecil, karnivora kecil	3.0	2.0	2.5	80	8	10
Semua spesies beruang	4.0	3.0	3.0	300	30	10
Semua spesies badak, badak air, tapir	5.0	4.0	3.0	500	50	10
Lembu liar*	5.0	4.0	3.0	500	50	5
Semua spesies rusa, kuda liar, antelop, unta, kambing liar*	5.0	4.0	3.0	300	30	2
Primat besar	4.0	3.0	3.0	300	30	5
Primat saiz sederhana	3.0	2.5	3.0	150	15	5
Primat kecil **	2.0	2.0	2.0	50	5	5
Gajah	8.0	6.0	6.0	1000	100	5
Zirafah	6.0	4.0	6.0	500	50	5
Kanggaru, wallabies*	3.0	2.0	3.0	200	20	5
Napuh, pelanduk*	2.0	2.0	2.0	50	5	5

* Sekurang-kurangnya dua kurungan malam bagi setiap kawasan pameran

** Tidak termasuk spesies yang bebas berkeliaran

B. Reptilia dan Amfibia

Kategori spesies	Saiz minimum kurungan (m ²)	Saiz minimum kawasan berair di dalam kurungan (m ²) bagi spesies yang memerlukan kawasan berair	Penambahan saiz kawasan setiap individu tambahan (%)
Buaya, gharial, aligator (sehingga 10 ekor)	100	40 (kedalaman minimum 1 meter)	10
Ular sawa, boa, anakonda, tedung selar, buaya kerdil, biawak air (sehingga 2 ekor)	30	5 (kedalaman minimum 0.5 meter)	10
Ular-ular lain (sehingga 2 ekor)	4	-	10
Ular air (sehingga 2 ekor)	4	1	10
Biawak, iguana (sehingga 2 ekor)	20	-	10
Biawak komodo (sehingga 2 ekor)	100	-	10
Gecko, cicak kecil (sehingga 2 ekor)	1	-	10
Tuntung, labi-labi (sehingga 2 ekor)	9	4	10
Kura-kura (sehingga 2 ekor)	4	-	10
Amfibia (sehingga 2 ekor)	1	0.5	10

C. Burung

Kategori spesies (sehingga 2 ekor)	Saiz minimum aviari (m ²) setiap pasang	Tinggi minimum aviari (m)	Saiz minimum kandungan air di dalam aviari (m ²)	Penambahan saiz kawasan setiap individu tambahan (%)
Burung pemangsa bersaiz besar (Genus: <i>Anthracoseros</i> , <i>Buceros</i> , <i>Anorrhinus</i> , <i>Aceros</i> , <i>Ictinaetus</i> , <i>Aquila</i> , <i>Spilornis</i> , <i>Circaetus</i> , <i>Neophron</i> , <i>Gyps</i> , <i>Aegypius</i> , <i>Sarcogyps</i> , <i>Haliaeetus</i> , <i>Ichthyophaga</i> dan <i>Spizaetus</i>)	100	6	-	10
Burung pemangsa bersaiz sederhana (Genus: <i>Hieraaetus</i> , <i>Butastur</i> , <i>Buteo</i> , <i>Accipiter</i> , <i>Circus</i> , <i>Macheiramphus</i> , <i>Pernis</i> dan <i>Aviceda</i>)	40	5	-	10
Burung pemangsa lain bersaiz kecil	25	4	-	10
Burung kuang besar (Genus: <i>Tragopan</i> , <i>Argusianus</i> , <i>Pavo</i>)	30	4	-	10
Burung kuang lain bersaiz kecil	20	3	-	10
Burung air (campuran pelbagai spesies sehingga 10 ekor)	50	6	25 (kedalaman 0.5 meter)	10
Penguin (sehingga 10 ekor)	80	2	40 (kedalaman 2 meter)	10
Burung hutan (campuran pelbagai spesies sehingga 10 ekor)	40	6	-	10
Ostrich, emu dan kasawari	100	1.8 (ketinggian	0.5	10

<i>(Burung besar yang tidak boleh terbang)</i>		pagar)		
Parrot, parakeet (sehingga 10 ekor)	10	3	-	10
Makaw, kakak tua	40	6	-	10

Dibuat 30 Januari 2012
[NRE 44/4/1/08; PN(PU2)697/II]

DATO SRI DOUGLAS UGGAH EMBAS
Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar